




1961-2011
KONGRES ANTARABANGSA BAHASA DAN BUDAYA PADJARAN
"KULLU SYAY'IN BAHASA APRIKAL"
JILID I: PROSIDING ANTARABANGSA BAHASA DAN BUDAYA 1961-2011

قوسیدیع کوعثکریس انتارابغسا بهاس دان بودایا
PROSIDING KONGRES ANTARABANGSA
BAHASA DAN BUDAYA
JILID I



Terpinggirnya Adab dan Adat dalam Kehidupan Bangsa di Malaysia: Pengalaman Pengamal Budaya Persilatan, Seni Silat Cekak Malaysia

Abdul Majid Ismail^{a,1}, Safiah Ahmad^b

^a*Pensyarah, Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan USM;
Jurulatih Kokurikulum Kebudayaan USM*

^b*Guru Bahasa, Pusat Bahasa & Terjemahan, USM*

¹*Emel: abmajid@usm.my*

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan isu-isu berkenaan adab dan adat Melayu/Islam yang telah mula terpinggir daripada amalan harian orang Melayu secara umum dan dalam kalangan pengamal ilmu persilatan secara khusus. Seni Silat merupakan salah satu elemen budaya asli yang menerapkan adab dan adat Melayu dengan kukuh dalam bersilat dan, dalam kehidupan seharian pengamalnya. Peminggiran adab dalam adat-istiadat bersilat yang termasuk di dalamnya nilai-nilai luhur, tatasusila ketimuran dan peraturan peperangan mengikut Islam, pasti akan merosakkan keseluruhan cara hidup pengamalnya dan seterusnya keseluruhan cara hidup bangsa Melayu. Isu-isu ini dikupas berdasarkan penilaian secara ilmiah menerusi pemerhatian dan pengalaman pengarang bergiat dalam pertubuhan silat selama lebih daripada 30 tahun. Isu-isu utama termasuklah bersilat dengan berpakaian kurang adab dan tidak mengikut syarak, gerakan bersilat seumpama mengangkat kaki (menyepak) sehingga melebihi paras muka, mengangkang kaki secara keterlaluan terutamanya bagi kaum hawa, membelakangi (membontoti) tetamu kehormat, tidak menghormati guru dan orang yang lebih tua dan lebih berilmu, penggunaan peristilahan dan bahasa yang kurang tepat, kasar dan kesat, bersikap riak sombong dan ujub merupakan sebahagian daripada fenomena penghakis adab yang telah menjangkiti kebanyakan silat Melayu kini. Di luar alam persilatan pula, amalan tidak beradab yang terhasil daripada peminggiran adat juga telah menyebabkan ahli masyarakat menyimpang jauh dan menerima budaya songsang yang tidak lagi berpaksikan sejarah dan kelestarian tamadun Melayu yang begitu unggul. Oleh itu Seni Silat Cekak Malaysia berjuang untuk menegakkan dan mempertahankan adab dan adat bersilat yang tidak bercanggah dengan nilai ketimuran dan peraturan agama Islam agar silat berupaya menjadi wasilah dalam mendidik anak bangsa dalam usaha mengekalkan adab dan adat ketimuran demi mengekang tekanan dan asakan dunia tanpa sempadan yang cenderung menjurus ke arah nilai-nilai negatif.

Kata kunci: *Adab dan adat, persilatan, budaya Melayu, isu-isu peminggiran, kesan negatif, dunia tanpa sempadan.*

1.0 Pendahuluan

Secara umum cara dan gaya hidup masyarakat di dunia berubah mengikut zaman. Gaya hidup ini terbentuk oleh kemajuan tamadun atau peradaban sesuatu bangsa yang sebahagian besarnya dibentuk oleh elemen agama atau kepercayaan, taraf sosial dan ekonomi serta perkembangan ilmu sains dan teknologi. Pertembungan antara budaya menerusi kaedah komunikasi moden hasil kemajuan sains dan teknologi digital telah membentuk dunia tanpa sempadan dan menghasilkan kesan yang amat dahsyat (Abdul Majid, 2003). Kalau dahulu maklumat disampaikan, diolah dan diterima secara fizikal menerusi penulisan, kini maklumat dapat diperolehi menerusi alam maya. Pengaruh yang dibawa oleh teknologi perkomputeran dan komunikasi maya kini hampir-hampir merubah tatasusila kehidupan semua bangsa di dunia. Memang tidak dinafikan bahawa kecanggihan teknologi banyak memberikan manfaat tetapi kesan sampingan dan menyalahgunakannya juga amat memudaratkan. Salah satu kesan negatif yang